

Laporan Penyelidikan/Research Note

**Penginstitusian Pentadbiran Hukum Syarak
di Semenanjung Malaysia**

HASNAN KASAN

ABSTRAK

Hukum syarak adalah panduan bagi orang Islam. Apabila berdepan dengan masalah yang belum jelas hukumnya, mereka akan merujuk kepada pihak yang bertanggungjawab untuk mendapatkan penjelasan. Pada peringkat awal, alim ulamak menjadi tempat rujukan orang ramai mendapatkan penjelasan hukum. Lama kelamaan urusan memberi penjelasan hukum syarak telah diselaraskan pihak berkuasa sehingga menjadi institusi hukum. Setelah melakukan penyelidikan sehubungan itu, ingin saya lapor kan proses penginstitusian pentadbiran hukum di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia.

PENDAHULUAN

Pada peringkat awal, masalah hukum syarak dalam aktiviti harian dirujuk kepada alim ulamak yang dipercayai boleh memberi panduan yang dikehendaki. Sehubungan itu, orang Muslim bebas memilih siapa sahaja yang diyakini boleh berbuat demikian, kerana tidak ada alim ulamak tertentu yang mesti dijadikan rujukan. Namun, keadaan ini telah berubah sekarang. Kini, setelah pihak kerajaan memberi perhatian kepada masalah hukum syarak, ia terus berkembang sehingga urusan memberi penjelasan hukum ini ditadbir pihak kerajaan. Dengan itu, bermulalah penginstitusian pentadbiran hukum syarak di Semenanjung Malaysia.

Oleh kerana kuasa mengurus hal ehwal agama adalah milik negeri mengikut perlembagaan negara Malaysia, pentadbiran institusi hukum ini diletak di bawah kuasa negeri. Setelah melakukan penyelidikan sehubungan itu, ingin saya lapor kan proses penginstitusian pentadbiran hukum di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia.

Sorotan ini bermula dengan kedatangan agama Islam ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, dengan diikuti perkembangan pentadbiran agama Islam dan akhirnya proses penginstitusian pentadbiran hukum syarak di negeri yang berkenaan.

NEGERI SEMBILAN

Agama Islam mula sampai ke Negeri Sembilan pada pertengahan abad ke-15. Ini adalah berdasarkan bukti batu nesan Sheikh Ahmad yang dijumpai di Sungai Udang Linggi, Port Dickson. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1467, semasa Melaka sedang meningkat kemasyhurannya di bawah pemerintahan Sultan Mansur Syah (A. Samad Idris 1987). Raja Negeri Sembilan yang pertama memeluk agama Islam adalah Raja Mahmud (Raja Melewar). Baginda yang dinobatkan pada tahun 1773 itu telah memerintah selama 23 tahun (A. Samad Idris 1987). Pada awal pemerintahan baginda, semua perkara yang berkaitan hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan dirujuk kepada baginda. Tidak lama kemudian, kuasa pentadbiran hal ehwal agama diserahkan kepada Dato'-Dato' Undang Yang Empat yang diberi kuasa untuk melantik kadi-kadi di luak masing-masing (Ruhayati Ramli 1994).

Mengikut sistem pentadbiran hal ehwal agama Islam yang awal di Negeri Sembilan, kadi Kariah bertanggungjawab mengawasi kesempurnaan surau-surau, mengawasi kesalahan agama, menegah perbuatan mengajar ajaran sesat dan menjadi orang perantara di kalangan orang Islam dengan kerajaan untuk memajukan ekonomi. Sementara itu, kadi hakim pula bertanggungjawab membicarakan hal-hal jenayah dan kesalahan hukum syarak seperti zina serta melakukan perbuatan yang boleh mengancam keamanan (Othman Ishak 1981).

Tetapi, semua urusan yang berkaitan hal ehwal agama Islam tidak lagi dirujuk kepada Yang di Pertuan Besar setelah Inggeris campurtangan. Di sebaliknya, Dato'-Dato' Undang Yang Empat, termasuk Tuanku Besar Tampin, dikehendaki berhubung terus dengan Residen British (A. Samad Idris 1987). Perkara ini telah dinyatakan dalam perjanjian yang telah dibuat antara Martin Lister yang menjadi Residen Inggeris yang pertama di Negeri Sembilan dengan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Dato' Undang Luak Yang Empat (Rohayati Ramli 1994).

Pada 1948, apabila Negeri-Negeri Melayu di Semenanjung disatukan menjadi Persekutuan Tanah Melayu, Negeri Sembilan telah membuat satu perlombagaan berdasarkan perjanjian 1889 mengenai kuasa Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, Dato' Undang Luak Yang Empat serta Tuanku Besar Tampin. Mengikut perlombagaan yang baru itu, sebuah Dewan Undangan yang dipanggil Majlis Mesyuarat Kerajaan telah dibentuk. Selepas merdeka, majlis ini dikenali Dewan Keadilan. Dewan Keadilan ini dipengerusikan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan dengan ahlinya terdiri daripada Dato' Undang Luak Yang Empat, Tunku Besar Tampin, Tuanku Besar Sri Menanti, Dato' Syahbandar Sungai Ujung, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri. Dewan Keadilan ini berperanan sebagai tempat rujukan atau tunggak tertinggi kedaulatan takhta kerajaan Negeri Sembilan dalam erti kata bertanggungjawab menentukan pentadbiran adat dan agama. Di sinilah diselesaikan sesemua krisis yang berbangkit mengenai pentadbiran adat dan agama Islam (A. Samad Idris 1987).

Selanjutnya perlu dinyatakan bahawa agama Islam telah diakui sebagai agama rasmi di Negeri Sembilan. Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukkan supaya ditubuhkan Majlis Mesyuarat Agama Islam untuk membantu dan memberi nasihat ke atas perkara-perkara yang berkaitan agama di Negeri Sembilan. Majlis ini terdiri daripada Yang Di Pertua, wakil daripada Yang Di Pertuan Besar, wakil daripada Dato' Undang Luak Yang Empat, Tuanku Besar Tampin, enam orang wakil dari orang ramai (seorang daripadanya daripada bangsa asing yang beragama Islam) dan seorang Setiausaha (Ruhayati Ramli 1994).

Pada bulan Disember 1949, Undang-Undang Majlis Mesyuarat Agama telah disahkan. Mengikut Undang-Undang Majlis Mesyuarat Agama tersebut, Yang Di Pertua Majlis ialah Tuan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Sementara itu, Jabatan Ugama Islam Negeri Sembilan telah ditubuhkan pada tahun 1950 di Seremban. Pada mulanya, jabatan itu terdiri daripada Yang Di Pertua (iaitu Haji Othman bin Taat), Mufti Negeri (iaitu Sheikh Ahmad bin Mohammad Said), Kadi Besar dan Kadi Karyah (Othman Ishak 1981). Tetapi, peraturan Majlis Agama Islam 1950 ini telah dimansuhkan selepas negara kita merdeka dengan digantikan Undang-Undang Majlis Agama Islam 1957. Pada 1960, Undang-Undang Majlis Agama Islam 1957 ini juga dimansuhkan dengan diubalnya Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak 1960 (Ruhayati Ramli 1994).

Dalam peraturan Majlis Agama Islam yang awal, iaitu pada tahun 1950 dan 1957, belum ada peruntukan tentang pembentukan Jawatankuasa Syariah di Negeri Sembilan. Oleh sebab itu, semua masalah berkaitan hukum agama Islam di Negeri Sembilan dirujuk terus kepada Mufti Kerajaan Negeri. Untuk memutuskan hukumannya, mufti tersebut telah membawa masalah yang berkaitan untuk dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak No. 15 selain menubuhkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pada 1960 untuk memberi nasihat kepada Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan mengenai hal ehwal agama Islam di negeri itu. Majlis itu terdiri daripada pengurus (iaitu anggota dari Majlis Mesyuarat Kerajaan), Yang Di Pertua Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan, Mufti, Ketua Kadi, Nazir dan lima orang Islam yang lain dengan sekurang-kurangnya seorang daripada mereka itu adalah orang bukan Melayu yang dilantik Yang Di Pertuan Besar. Pada Tahun yang sama Jawatankuasa Syariah telah ditubuhkan untuk membincang dan memutuskan hukum syarak yang timbul di dalam dan luar Negeri Sembilan (Othman Ishak 1981).

Untuk melicinkan lagi perjalanan pentadbiran hukum syarak, Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan peraturan mengenai agama Islam, termasuk peraturan Fitrah pada tahun 1962, peraturan Jawatankuasa Karyah pada tahun 1965, peraturan Tauliah Mengajar Agama pada tahun 1965, peraturan Jawatankuasa Syariah pada tahun 1967, peraturan Pendaftaran Muallaf pada tahun 1967 dan peraturan mengenai adat dan hukum syarak iaitu Dua Kuasa Di Dalam Masyarakat Melayu atau Pertikaian Adat Dengan Islam.

Menyoroti sejarah pentadbiran hal ehwal agama Islam sejak kedatangan ugama Islam ke Negeri Sembilan di zaman pemerintahan Raja Melewar, 1773-1796, sehingga tertubuhnya Jawatankuasa Syariah di bawah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan pada 1967, kita dapat menjelaki titik mula pewujudan institusi hukum syarak di negeri itu. Sebelum institusi fatwa diketuai secara rasmi oleh mufti pada 1950, iaitu selepas terbentuknya Majlis Kerajaan Negeri Sembilan, masalah hukum agama yang dihadapi di Negeri Sembilan dirujuk kepada kadi-kadi yang dilantik Undang Luak Yang Empat di wilayah masing-masing. Namun, ramai orang juga merujuk masalah mereka kepada imam-imam dan guru-guru agama. (Ruhayati Ramli 1981)

Pada 1950, seorang mufti kerajaan negeri telah dilantik untuk menyelesaikan semua masalah berkaitan agama yang dihadapi orang ramai di Negeri Sembilan dengan tertubuhnya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pada mula-mulanya, semua masalah yang diterima dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Agama Islam Negeri Sembilan dengan dipengerusikan tuan mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Majlis Mesyuarat Agama itu dianggotai tuan mufti Kerajaan Negeri Sembilan sebagai Pengerusi, Pegawai Pentadbir Pejabat Agama Negeri dan 13 orang alim ulamak yang dilantik.

Peraturan Majlis Mesyuarat Agama Islam 1950 ini telah dimansuhkan dengan penggubalan Undang-Undang Majlis Agama Islam tahun 1957. Dengan itu, mufti kerajaan bukan lagi menjadi pengurus Majlis tersebut. Beliau hanya sebagai ahli biasa seperti Kadi Besar, Nazir Pelajaran Agama, Empat orang dari kalangan rakyat dan lima ahli yang dilantik kepada Majlis. (Ibid). Sebagai ganti, Undang-undang Majlis 1957 telah melantik Yang Di Pertua Jabatan Agama sebagai Pengerusi Majlis.

Dalam tempoh sepuluh tahun (iaitu sejak tertubuhnya Majlis Mesyuarat Agama Islam Negeri Sembilan pada tahun 1950 sehingga pembentukan Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak pada tahun 1960), mufti terpaksa menyelesaikan masalah hukum syarak secara sendirian sebelum dapat dibawa ke Majlis Mesyuarat Agama Islam. Ini disebabkan ahli yang menganggotai Majlis ketika itu tidak mempunyai kepakaran dalam bidang hukum-hakam Islam.

Hanya selepas terbentuknya Majlis Agama Islam Negeri Sembilan pada 1960 yang juga telah mewujudkan Jawatankuasa Syariah pada tahun 1967, barulah mufti dapat membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan orang ramai dengan bantuan daripada alim ulamak yang lain. Perlantikan ahli Jawatankuasa Syariah dari alim ulamak dilakukan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Jabatan Mufti 1967). Jawatankuasa Syariah ini diketuai sendiri oleh Tuan Mufti Kerajaan Negeri. Keanggotaannya adalah terdiri daripada Mufti, dua orang anggota Majlis dan tidak kurang daripada dua atau tidak lebih daripada enam orang Islam yang layak yang bukan dari anggota Majlis.

Biasanya setiap ahli Jawatankuasa Syariah yang dilantik terdiri dari alim ulamak yang telah lama berkhidmat sebagai kadi, imam atau guru agama. Ketokohan dan kealiman mereka juga diberi perhatian, selain mereka sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan sekolah pondok (Ruhayati Ramli 1994).

Mengikut seksyen 36 (5) Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1960, Jawatankuasa Syariah boleh membuat peraturannya sendiri. Pada 9hb, Februari, 1967 Peraturan Jawatankuasa Syariah 1966 telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1967.

Bermula daripada 1960 (iaitu dengan terbentuknya Peraturan Jawatankuasa Syariah), perbincangan atau perbahasan tentang institusi fatwa telah merangkumi jawatan Mufti dan juga Jawatankuasa Syariah. Institusi fatwa ini adalah institusi fatwa rasmi yang dilantik Kerajaan Negeri. Sejak masa itu, institusi fatwa adalah terbentuk dalam satu organisasi yang akan dibahaskan secara panjang lebar dalam perbincangan selanjutnya.

PERLIS

Pemerintahan Perlis banyak dipengaruhi orang keturunan Syed yang datang dari Hadramaut di Tanah Arab sehingga sekarang (Buyong Adil 1981). Antaranya ialah Syed Harun Jamalullail yang telah berkahwin dengan Tunku Sufiah, puteri Sultan Dzhiauddin, yang pernah menjadi pemangku Sultan Kedah masa itu. Pada tahun 1897, Sultan Dzhiauddin telah menyerahkan mukim Arau yang terletak di Negeri Perlis kepada Sultan Harun Jamalullail dan sekaligus menjadi penghulu Arau yang Pertama. Bila baginda mangkat pada tahun 1825, jawatan penghulu Arau diserahkan kepada putera beliau, Syed Husain Jamalullail. Setelah Siam memerintah Kedah pada tahun 1893 dan membahagikannya kepada tiga bahagian, iaitu Kedah, Perlis dan Kubang Pasu, Syed Husain terus dilantik sebagai Sultan untuk memerintah Perlis.

Semasa pemerintahan Siam dan Inggeris, hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu ditadbir Raja Melayu sendiri yang dianggap sebagai ketua agama Islam dan adat Melayu, maka mempunyai kuasa penuh dalam dua perkara itu (Azizan Khalid Ahmad 1970). Sehubungan itu, Sultan Syed Putra telah menubuhkan Majlis Agama Islam Perlis pada tahun 1920. Pentadbirannya dijalankan mengikut Undang-Undang Mahkamah Syariah yang berkuatkuasa sejak pemerintahan Syed Alwi (1905-1943) (Othman Ishak 1981).

Seterusnya, pihak Inggeris mengadakan perjanjian yang berasingan dengan Perlis pada tahun 1930 dengan Perlis secara rasminya berada di bawah perlindungan Inggeris dan kerajaan Perlis dikehendaki menerima Penasihat Inggeris dalam hal ehwal pentadbiran awam, melainkan hal ehwal agama dan adat istiadat (Khoo Kay Kim 1984). Bila Perlis dimasukkan ke dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan Inggeris pada 12 Januari 1948, kerajaan Negeri Perlis telah menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis untuk mengendalikan hal ehwal agama untuk menggantikan Undang-Undang Mahkamah Syariah. Berikutan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis No. 3 diluluskan pada tahun 1963, Jabatan Agama Islam Perlis telah ditubuhkan pada tahun yang sama di Kangar (Minarni Ibrahim 1993).

Fungsi utama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis ialah memberi nasihat kepada raja mengenai hal agama Islam dan adat Melayu. Untuk melaksanakannya, Majlis ini telah menubuhkan tiga jawatankuasa kecil: Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Mahkamah Kadi dan Jawatankuasa Ulangbicara. Majlis itu terdiri daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, Mahkamah Syariah dan Bahagian Mufti (Minarni Ibrahim 1993).

Seterusnya ingin dinyatakan bahawa jawatan Mufti telah wujud semenjak pemerintahan Syed Alwi, walaupun Jawatankuasa Syariah baru ditubuhkan pada tahun 1963 dan Bahagian Mufti dalam pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri Perlis baru ditubuhkan pada tahun 1964. Mufti pertama yang dilantik ialah Tuan Haji Muhammad Nor bin Haji Muhammad. Beliau telah berkhidmat dari tahun 1920 hingga 1941 (Othman Ishak 1981).

KEDAH

Mengikut *Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kedah menerima agama Islam pada 531 Hijrah (1136 Masehi) setelah raja Kedah, Maharaja Derba Raja (1156-1179 TM), memeluk agama Islam hasil daripada dakwah yang dilakukan Tuan Sheikh Abdullah bin Tuan Sheikh Jaafar Qaumimi. Nama Tuan Sheikh ini termaktub dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* (Siti Hawa Saleh 1964).

Dari segi sejarah, Kedah adalah di bawah pemerintahan Siam dari tahun 1821 hingga 1842. Setelah kuasa Siam ke atas Kedah tamat berikutan perjanjian yang dibuat antara Siam dan Inggeris pada tahun 1901, Kedah telah dimasukkan ke dalam Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan menerima nasihat Inggeris dalam soal pentadbiran, sementara pentadbiran hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu kekal di bawah kuasa Sultan (Othman Ishak 1981).

Untuk menjalankan pentadbiran hal ehwal agama Islam, Sultan telah melantik seorang Sheikh Islam menjadi pembantu dan penasihatnya. Pada ketika itu, Sheikh al-Islam adalah ketua pentadbiran agama Islam Negeri Kedah di bawah perintah Sultan. Syeikh al-Islam yang pertama dilantik ialah Muhammad Khayat, seorang Arab, yang telah berkhidmat dari tahun 1901 hingga 1903. Beliau diganti Syed Abdullah Dahlan yang berkhidmat lebih kurang setahun. Sheikh al-Islam yang ketiga ialah Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek yang telah berkhidmat lebih kurang tiga puluh tahun. Setelah Sheikh Islam Wan Sulaiman bin Wan Sidek meninggal dunia pada 1935, kerajaan Negeri Kedah telah menubuhkan Majma' Sheikh al-Islam untuk menggantikan jawatan Sheikh al-Islam. Majma' Sheikh al-Islam mempunyai tiga orang ahli: Kadi Besar (pada ketika itu Sheikh Ahmad Wakas sebagai pengurus), Haji Abdul Ghani dan Sheikh Mahmud bin Muhammad Noh. Sheikh Abdul Rahman bin Abdul Latif dilantik sebagai pengurus dan juga pengurus Majma' Sheikh al-Islam yang terakhir.

Pada 1948, Majlis Agama Islam Kedah telah ditubuhkan. Tugas utamanya ialah memberi nasihat dan bantuan kepada Sultan dalam mentadbir hal ehwal

agama Islam dan adat istiadat Melayu di Kedah. Ia mempunyai sepuluh orang ahli dengan lima orang itu terdiri daripada ulamak dan bakinya tokoh adat istiadat Melayu (Mansor Ahmad 1987).

Pada tahun 1962, Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No. 9. Pada tahun itu juga Jabatan Agama Islam Negeri Kedah ditubuhkan dengan Yang Di Pertua Jabatan menjadi Yang Di Pertua Majlis. Pada tahun itu juga, Jawatankuasa Fatwa telah ditubuhkan melalui peruntukan Majlis. Bermula daripada sinilah institusi fatwa di Kedah telah dibentuk untuk mengurus hal ehwal ugama yang sebelum ini ditangani Sheikh al-Islam dengan dibantu Majmak Ulamak (Othman Ishak 1981).

Fungsi jawatankuasa fatwa ini adalah mengeluarkan fatwa samada daripada pertanyaan orang ramai mengenai masalah-masalah agama Islam atau Jawatankuasa sendiri tanpa merujuk kepada orang ramai (Mansor Ahmad 1987).

PERAK

Maklumat tentang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak yang awal tidak dapat dikesan. Setakat ini, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak (Ninety Nine Laws of Perak) adalah dianggap peraturan pentadbiran berkenaan agama Islam yang tertua yang dijumpai. Tarikh sebenar berkuatkuasanya peraturan ini tidak dapat dipastikan. Yang diketahui ialah Undang-Undang ini telah berjalan sehingga tahun 1900, sebelum diganti dengan Undang-Undang Perkahwinan Orang-Orang Islam seperti yang tercatat dalam bab 197 Federal Malay States. Undang-Undang itu telah menyatakan bahawa Sultan mempunyai kuasa penuh ke atas hal ehwal agama dan adat istiadat orang Melayu (Jamaluddin Halid 1991).

Mengikut pemerintahan tradisional, Sultan yang berkuasa penuh dalam pemerintahan negeri itu adalah juga ketua agama Islam dan adat Melayu. Pada 1874, pihak Inggeris mula campur tangan dalam pemerintahan Negeri Perak melalui Perjanjian Pangkor. Dalam perjanjian itu, Sultan bersetuju untuk menerima seorang Residen Inggeris selain mematuhi segala nasihatnya, melainkan dalam perkara yang berhubungan agama Islam dan adat Melayu (Othman Ishak 1981). Sultan telah memberi kuasa kepada Orang Kaya Menteri Paduka Tuan untuk mentadbir hal ehwal agama Islam dan Raja Bendahara untuk mentadbir hal ehwal adat Melayu.

Setelah menaiki takhta pada tahun 1918, Sultan Iskandar Syah telah melantik Tuan Haji Muhammad Salleh sebagai Sheikh al-Islam Negeri Perak. Peranan Sheikh al-Islam ini ialah sebagai pakar rujuk Sultan dalam masalah yang berkaitan agama Islam dan beliau telah ditugaskan untuk menyebarkan Islam ke seluruh Negeri Perak (Jamaluddin Halid 1991).

Menurut Othman Ishak, walaupun jawatan mufti dan kadi telah wujud di Perak sejak tahun 1879, tetapi mufti tidak memainkan peranan yang besar dalam hal pentadbiran agama Islam ketika itu. Hal ini mula berubah ketika pemerintahan

Inggeris di mana Mahkamah Kadi diberi kuasa untuk mentadbir hal undang-undang Islam, tetapi hal penangkapan dan pelaksanaan hukuman denda mestilah dilakukan melalui Mahkamah Majistret. Jabatan Agama Islam Negeri Perak telah ditubuhkan pada 2 Ogos, 1949. Pada 23 Oktober, 1949 pula Kerajaan Negeri Perak telah menubuhkan Majlis Hal Ehwah Agama Islam Perak. Tujuan utamanya ialah untuk menasihati dan membantu Sultan dalam hal pentadbiran sekolah agama, guru agama, harta wakaf, baitul mal, zakat fitrah, masjid, madrasah, menyusun semula mahkamah kadi dan juga hal mufti Perak. Majlis dan Jabatan mengendalikan bahagian fatwa dengan diketuai Mufti, bahagian kadi wilayah dengan diketuai Kadi Besar, bahagian pelajaran dengan diketuai Nazir dan bahagian am dengan diketuai Kerani Besar (Othman Ishak 1981).

Selanjutnya, Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak telah diluluskan pada 1 Mei 1952, sementara Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Perak diluluskan pada 1 Mei 1965. Undang-undang ini adalah untuk menggantikan semua undang-undang yang telah dikuatkuasakan sebelumnya. Mengikut undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak 1952, Jawatankuasa Syariah mempunyai tujuh orang ahli dengan pengurusnya terdiri daripada Raja atau orang besar negeri, dengan Mufti sebagai setiausaha jawatankuasa. Tugas utama jawatankuasa ini ialah untuk membuat keputusan hukum syarak yang tidak dapat diselesaikan Mufti seorang diri. Tetapi, mengikut Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 1965, Mufti adalah pengurus Jawatankuasa Syariah (Othman Ishak, 1981). Menurut Jamaluddin Halid (1991) Jawatankuasa Syariah telah diwujudkan sejak tahun 1917.

JOHOR

Sultan Johor mempunyai kuasa penuh dalam pemerintahan di negeri itu, termasuk hal ehwah agama Islam dan adat istiadat Melayu. Pada 1873, Mufti Sheikh Syed Salim al-Attas dan Imam Haji Abdul Rahman telah dilantik menjadi ahli Dewan Negeri oleh Maharaja Johor. Tugas Mufti masa itu sukar ditentukan kerana beliau hanya menjadi pembantu hakim dalam perbicaraan (Muhammad Khaldun 1991).

Setelah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor telah diluluskan pada 1895, banyak rombakan telah dilakukan ke atas struktur perjawatan Kerajaan Negeri Johor, selain ditubuhkan jabatan-jabatan yang baru. Antaranya ialah Jabatan Agama Islam Johor. Serentak dengan penubuhan Badan Mensyuarat Kerajaan, agama Islam telah diisytiharkan sebagai agama rasmi di Johor. Semua perkara yang bersangkutan agama Islam telah dijalankan kadi dan pembantunya. Semua kemusykilan berkaitan syariat Islam telah dirujuk kepada Mufti Kerajaan. Untuk menjalankan pentadbiran hukum syarak, Sultan Ibrahim telah memperkenalkan dan memerintahkan *Majalah Ahkam Johor* dipakai dan dijadikan panduan mulai dari 1331 H (Othman Ishak 1981).

Majlis Agama Islam Johor telah ditubuhkan di bawah kuasa Bahagian IV bab XV lembaga Aturan Pemerintah Raja, satu peraturan yang khusus untuk istana dan adat istiadat raja. Majlis Agama ini tidak sama dengan Majlis Agama di negeri-negeri yang lain kerana ia terangkum dalam susunan jabatan yang terpenting dalam Majlis Raja dan Istana. Majlis ini dipengerusikan Yang Di Pertua Jabatan Agama Negeri Johor dengan Mufti ketika itu bertindak sebagai Pengerusi Ganti. Dua tugas utama Majlis Agama Islam Johor 1925 adalah ia sebagai penggubal dasar agama Islam dan penyelaras agensi Jabatan Agama dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi Pejabat Mufti, Pejabat Kadi dan Pejabat Yang Di Pertua Jabatan Agama. Dengan kata lain, majlis itu berperanan membuat keputusan berkenaan fatwa, biasiswa, menyemak kandungan kitab dan lain-lain (Muhammad Khaldun 1991).

KELANTAN

Kelantan adalah jajahan takluk Siam antara tahun 1899 hingga 1906. Sepanjang tempoh itu, Siam telah menempatkan penasihatnya di Kelantan. Beliau berperanan menasihati Sultan dalam hal pentadbiran, kecuali masalah yang berkaitan agama Islam dan adat Melayu. Pada 1909, setelah diadakan Perjanjian Bangkok antara Siam dan Inggeris, Kelantan yang diletakkan di bawah kuasa Inggeris itu telah dimasukkan ke dalam Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Inggeris telah menempatkan seorang penasihat di Kelantan. Beliau menasihati Sultan dalam hal pentadbiran negeri, kecuali perkara yang berkaitan agama Islam dan adat Melayu.

Pada 1901, Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, iaitu Sultan Mansur, telah menubuhkan Mahkamah Adat untuk membicarakan kesalahan jenayah. Baginda telah melantik Ungku Biru sebagai Hakim mahkamah tersebut. Pada 1903, Tengku Long Senik, Sultan Kelantan masa itu, mencadangkan supaya ditubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri. Tujuannya ialah untuk menjalankan peranan menggubal undang-undang negeri untuk panduan yangkekal bagi pemerintah negeri yang akan datang (Muhammad Husain 1970).

Laporan Penasihat Inggeris pada 1903 menyatakan bahawa hal adat Melayu mengenai masalah jenayah seperti membunuh dan mencuri telah diserah kepada Imam dan Orang Besar Negeri untuk durus, manakala masalah perkahwinan, perceraian dan harta pesaka diserah kepada Imam dan Haji-haji yang mengetahui hukum syarak untuk tindakan mereka. Sementara itu, Sultan adalah ketua negeri. Orang yang menjalankan pentadbiran setiap kawasan ialah Imam Mukim kawasan masing-masing (Nik Mastura 1969).

Seterusnya, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah ditubuhkan pada 24 Disember 1915. Fungsinya ialah memungut dan menyimpan zakat, menyelaras harta Baitul Mal, memelihara tempat-tempat ibadat, menjaga tanah perkuburan orang Islam, mengembangkan pelajaran agama Islam, antara

yang lain-lain. Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad mufti Kelantan telah dilantik menganggotai Majlis ini (Muhammad Husain 1970).

Sultan telah mengarahkan ditubuhkan Dewan Permesyuaratan Ulamak pada tahun 1918 (Muhammad Khaldun, 1991) kerana Kelantan adalah pusat pengembangan agama Islam yang penting di Kepulauan Melayu selain banyak pertanyaan berkenaan hukum syarak. Baginda telah melantik Haji Wan Muhammad, Mufti ketika itu menjadi Ketua Dewan Ulamak dan pada 23 September 1919 beliau telah dilantik menganggotai Dewan Mesyuarat Kerajaan Negeri. Perlantikan beliau itu ialah untuk menjelaskan masalah yang menyentuh agama Islam dalam Dewan. Walaupun jawatan mufti yang diwartakan hanya wujud pada tahun 1915 setelah penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan, akan tetapi mufti Negeri Kelantan telah ada sejak pemerintahan Sultan Muhammad II. Baginda telah melantik Syed Daud bin Syed Muhammad menjadi Mufti yang pertama (Muhammad Khaldun 1991).

Pada 1966 telah diadakan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No. 2, 1966 yang meminta supaya diadakan Jemaah Ulamak atau sebelum ini dinamakan Majlis Fatwa di bawah Majlis Agama Islam. Jemaah Ulamak ini dipengerusikan Mufti dengan tidak kurang lapan orang ahli yang terdiri daripada alim ulamak yang mempunyai kelayakan.

SELANGOR

Walaupun agama Islam telah sampai ke Selangor sejak awal abad ke 15 Masehi, tetapi perkembangannya yang pesat hanya berlaku dalam abad yang ke 16 dan ke 17. Raja Lumu (1765-1770) yang bergelar Sultan Solahuddin adalah sultan yang pertama di negeri ini. Baginda yang berasal dari keturunan Raja Bugis, Upu Landusalat, yang telah memeluk agama Islam pada 1603. Mengikut tradisi, Sultan adalah ketua politik dan agama di negerinya. Semua hal yang melibatkan agama dan adat istiadat Melayu tertakluk di bawah kuasa Baginda. Sehubungan itu, Sultan Muhammad, Sultan Selangor yang ketiga telah melantik Sahib al Fadhilah Tuan Sheikh Abdul Ghani yang berasal dari Sumatera menjadi kadi di Selangor.

Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang telah ditubuhkan pada 1877 bertanggungjawab ke atas pentadbiran serta peraturan hal ehwal agama Islam. Pada 1879, Majlis itu telah memberi kuasa penuh kepada Sultan berkenaan pentadbiran agama dan adat Melayu dan seterusnya telah mengistiharkan Sultan sebagai ketua agama Islam Negeri Selangor. Sultan Hisyamuddin Alam Syah dengan persetujuan pemerintah Inggeris telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor pada 1948. Mufti Selangor yang pertama ialah Tuan Haji Yusuf bin Syahabuddin (Othman Ishak 1981).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor no. 3, 1952, 40 (1) telah menubuhkan Jawatankuasa Undang-Undang Agama di bawah Majlis Agama. Ia mempunyai dua orang ahli dari kalangan Ahli Majlis dan dua orang ahli yang

lain dari kalangan ulamak yang mempunyai kelayakan dengan Mufti dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Undang-undang Agama. Pada 1989, Jawatan-kuasa ini telah ditukar namanya kepada Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak setelah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Seksyen 34 (1), No. 2, 1989 diluluskan. Ahli Jawatankuasa yang baru ini ialah Mufti (sebagai Pengerusi), Timbalan Mufti, Penasihat Undang-undang Negeri, seorang pegawai dari Jabatan Agama yang mahir dengan hukum dan sekurang-kurangnya dua orang tetapi tidak melebihi lima orang dari kalangan alim ulamak yang layak serta dilantik oleh Majlis (Muhammad Khaldun 1991).

TERENGGANU

Tarikh kedatangan agama Islam ke Negeri Terengganu tidak diketahui. Ahli sejarah mengagaknya setelah dijumpai batu bersurat di Ulu Sungai Teresat, Kuala Berang, pada 1903. Menurut inskripsi yang terdapat pada batu tersebut, agama Islam telah sampai ke negeri ini sejak tahun 702 H./1303 M dengan seorang raja, Seri Paduka Tuan atau Raja Mandalika, telah menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi di negeri itu. Semasa pemerintahan Sultan Umar (1830-1876), Baginda telah melantik Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas yang berasal dari Hadramaut, sebuah negeri Arab, menjadi Mufti Terengganu yang pertama. Tugasnya ialah untuk menasihati Sultan mengenai hukum syarak dan bertanggungjawab ke atas semua perkara yang berhubung dengan agama Islam.

Hukum syarak dipakai dalam semua bidang pentadbiran negeri. Majlis Mesyuarat Negeri boleh membuat undang-undang pentadbiran mengenai hukum syarak, jika perlu. Semasa kerajaan Terengganu membuat perjanjian tambahan dengan Inggeris pada 1919, telah dikurangkan penggunaan hukum syarak dalam pentadbiran am negeri. Dalam perjanjian itu, Kerajaan Negeri Terengganu dikehendaki menerima Pegawai Penasihat Inggeris untuk menasihati Kerajaan Negeri Terengganu dalam semua hal pentadbiran, kecuali isu yang bersangkutan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Pada 1912, Kerajaan Terengganu telah menubuhkan Pejabat Hal Ehwal Agama Islam. Tujuannya ialah untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di negeri ini. Pejabat ini dikendalikan beberapa orang pegawai yang terdiri daripada Sheikh al-Islam sebagai ketua, Penolong Sheikh al-Islam, Mufti, Kadi dan Nazir Masjid. Pada 1949, Kerajaan Terengganu telah menubuhkan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu untuk menasihati Sultan dalam hal-hal yang berkaitan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Pada 1955, Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak No. 4 telah diluluskan. untuk membetulkan semua undang-undang yang sedia ada (Muhammad Saleh 1978).

WILAYAH PERSEKUTUAN

Memandangkan Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan pada 1 Februari 1974 itu berasal dari Negeri Selangor, kemasukan agama Islam ke wilayah ini mungkin sama masanya dengan kemasukan Islam ke Selangor. Penubuhan wilayah ini adalah hasil persetujuan antara kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Malaysia. Sejak itu, semua kuasa pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, termasuk hal ehwal agama Islam, adalah di bawah kuasa Kerajaan Pusat Malaysia.¹

Yang Di Pertuan Agong adalah ketua agama bagi Wilayah Persekutuan. Untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan. Ia adalah untuk menasihati Yang Di Pertuan Agong mengenai perkara yang berkaitan agama dan adat Melayu. Ia terdiri daripada seorang Pengurus, seorang Timbalan Pengurus, tiga orang anggota eksekutif iaitu Ketua Setiausaha, Mufti dan Commisioner, serta sepuluh orang ahli yang dilantik Yang Di Pertuan Agong.²

Mufti Wilayah Persekutuan yang pertama adalah Datuk Sheikh Abdul Mohsein bin Haji Salleh. Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan pada 1978 untuk membantu beliau menyelesaikan masalah hukum syarak yang diajukan kepada pejabat mufti.

MELAKA

Melaka tidak mempunyai agama rasmi sepanjang masa pemerintahan Inggeris sebelum negara ini merdeka pada 1957. Walaupun tidak campur tangan dalam hal ehwal agama Islam, tetapi kerajaan Inggeris telah melantik seorang pegawai Inggeris sebagai pendaftar untuk mengurus hal-hal nikah cerai dan harta wakaf orang Islam. Beliau pula telah melantik seorang Mufti sebagai penolongnya untuk menasihatinya dalam hal ehwal agama Islam. Selain itu, pegawai Inggeris ini juga telah melantik beberapa orang kadi untuk membantu pentadbiran agama Islam. Walaupun Melaka tidak mempunyai Pejabat Agama Islam sepanjang penjajahan Inggeris, kerajaan Inggeris telah menubuhkan Muslim Advisory Board untuk mengurus hal ehwal agama Islam.

Oleh sebab Melaka tidak mempunyai raja Melayu, Majlis Agama Islam telah ditubuhkan untuk mengurus hal ehwal agama Islam. Ia juga bertanggungjawab menasihati ketua agama negeri, iaitu Yang Di Pertua Negeri. Pentadbiran agama Islam diserah kepada Jabatan Agama Islam Melaka yang telah ditubuhkan pada 1 September 1959 (Othman Ishak 1981).

Selain itu, Kerajaan Negeri Melaka telah meluluskan Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka, No. 1 1959. Undang-undang tersebut menyatakan hendak ditubuhkan Jawatankuasa Syariah di Melaka. Jawatankuasa ini dipengerusikan Mufti yang dilantik Yang Di Pertua Negeri dengan dua orang

wakil daripada Majlis Agama Islam Melaka serta enam orang Islam lain yang layak. Fungsinya ini ialah membuat peraturan-peraturan dan menyusun undang-undang Islam. Sementara itu, tugas Mufti adalah sebagai Pengerusi kepada Jawatankuasa Syariah mengeluarkan fatwa dan mengurus hal-hal yang bersangkutan agama Islam (Muhammad Taufiq 1970).

Mufti yang pertama di Melaka ialah Tuan Haji Hasan bin Haji Abu Bakar yang telah berkhidmat dari tahun 1957 sehingga 1979.

PAHANG

Agama Islam telah sampai ke Pahang semasa pemerintahan Sultan Muzafar Syah (1445-1458) di Melaka setelah Pahang ditawan Kerajaan Melaka pada 1454 (Buyong Adil 1984). Raja Pahang yang beragama Islam adalah Sultan Muhammad Syah. Semasa pemerintahannya, agama Islam telah berkembang pesat sehingga diiktiraf sebagai agama rasmi di Pahang (Othman Ishak 1981). Semasa pemerintahannya, agama Islam telah berkembang dengan lebih pesat lagi di Pahang. Masa itu, jawatan Mufti, Kadi dan guru agama telah diwujudkan. Mereka yang dilantik ini mengajar agama kepada kerabat Di Raja (Lineham 1973), sedangkan orang ramai mempelajari agama Islam dari guru agama yang lain (Muhammad Mokhtar 1980). Mufti Pahang yang pertama ialah Tuan Haji Abdul Syukur yang telah berkhidmat dari tahun 1806-1857.

Pada 1888, kerajaan Inggeris mula campur tangan dalam pemerintahan Negeri Pahang walaupun dalam perjanjian antara Sultan Ahmad dengan pihak Inggeris, Inggeris tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal agama Islam dan adat resam Melayu. Sementara itu, Majlis Mesyuarat Negeri Pahang telah ditubuh masa itu (Othman Ishak 1981). Selain itu, Sultan Abu Bakar telah menubuhkan Majlis Anggota Islam Pahang pada 17 Julai 1933 untuk memperkemaskan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Negeri Pahang. Pada tahun 1937, Majlis Anggota Islam Negeri Pahang telah ditukar namanya kepada Majlis Agama Islam Pahang. Pada 10 November 1943, Majlis Agama Islam Pahang telah menubuhkan Jamaah Ulamak Pahang untuk menentukan hukum, peraturan Islam dan perlaksanaannya. Seterusnya pada 1949, Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang dikuatkuasakan. Pada 17 Mac 1950, Jabatan Agama Islam dan Adat Melayu Pahang pula ditubuhkan (Othman Ishak 1981).

PULAU PINANG

Sebelum ditadbir Inggeris, Pulau Pinang adalah sebahagian daripada Negeri Kedah, maka penduduknya tertakluk di bawah undang-undang negeri itu (Ahmad Ibrahim 1995). Setelah Pulau Pinang diserah kepada Inggeris, telah diperkenalkan Piagam Keadilan pada 1807 yang membolehkan undang-undang

England dibawa ke Pulau Pinang. Di bawah undang-undang itu, semua urusan yang berkaitan undang-undang dirujuk kepada undang-undang tersebut. Namun, undang-undang ini mengiktiraf undang-undang adat dan agama dalam hal-hal berkaitan perayaan agama dan soal nikah kahwin selagi tidak bercanggah dengan keadilan dan kemanusiaan.

Selain itu, Pulau Pinang juga tidak mempunyai ketua agama peringkat negeri kerana tidak mempunyai raja seperti negeri yang lain. Oleh itu, untuk mentadbir hal ehwal agama Islam, Inggeris telah melantik kadi. Pemilihan mereka yang layak untuk menyandang jawatan itu telah dilakukan masyarakat setempat dengan Inggeris mengeluarkan surat perlantikan sahaja. Perlantikan kadi yang pertama di Pulau Pinang tidak dapat dipastikan tarikhnya. Ia diberi kuasa mengurus hal nikah kahwin dan perceraian serta melantik imam.

Pada 1915, pihak Inggeris telah menubuhkan Lembaga Penasihat Islam (Muslim Advisory Board) di Pulau Pinang. Ia dianggotai orang Arab, India Muslim dan Melayu yang berpengaruh dalam masyarakat. Ada kemungkinan lembaga ini dipengerusikan pegawai Inggeris memandangkan lembaga yang sama di Singapura telah dipengerusikan pegawai Inggeris. Objektif penubuhan lembaga ini adalah untuk membantu kerajaan membuat keputusan berkenaan hal ehwal orang Islam.

Lembaga Penasihat Islam ini kemudiannya telah ditukar nama kepada Muslim Religious Service. Semasa pemerintahan Jepun, badan ini tidak berfungsi. Ia dihidupkan semula setelah Inggeris kembali berkuasa. Tetapi, pengerusinya yang baru adalah orang Islam yang dilantik kerajaan Inggeris (Othman Ishak 1981).

Pada 15 April 1959, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan undang-undang yang membolehkan penubuhan Majlis Agama Islam Pulau Pinang iaitu Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang. Seterusnya pada 28 Julai 1960, Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai telah ditubuhkan. Oleh kerana Pulau Pinang tidak mempunyai raja, Majlis ini bertanggungjawab menasihati Yang Di Pertuan Agong sebagai ketua negeri tersebut.

Mufti Pulau Pinang yang pertama ialah Tuan Haji Abdullah Fahim yang dilantik pada 1959. Pada peringkat awalnya, jawatan mufti Pulau Pinang berbeza sedikit dengan jawatan mufti di negeri-negeri yang lain dari segi mufti di Pulau Pinang bukanlah kakitangan kerajaan yang dibayar gaji bulanan. Sebaliknya, ia menerima elauan sahaja. Sekarang, mufti Pulau Pinang sama dengan mufti negeri-negeri yang lain: dilantik sebagai kakitangan kerajaan dan dibayar gaji tetap. Untuk membantu mufti menyelesaikan isu hukum syarak daripada orang ramai, Jawatankuasa Syariah telah ditubuhkan Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Ia dianggotai mufti sebagai pengurus, dua orang ahli Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan antara dua hingga enam orang ahli yang lain yang layak dan bukan anggota Majlis (Othman Ishak 1981).

JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN

Persidangan Majlis Raja-Raja yang berlangsung pada 1 Julai 1969 telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Ia adalah sebuah badan kebangsaan bagi menyelaraskan kerja, aktiviti dan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Malaysia. Ahli majlis ini ialah negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Antara tugasnya ialah membincang, menimbang dan mengurus semua perkara yang dirujuk kepada Majlis ini oleh Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seorang ahli Majlis dengan tujuan memberi nasihat dan syor. Tugas tambahannya ialah memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas semua isu berkenaan perundangan dan pentadbiran agama Islam dan pelajaran agama Islam untuk memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

Melalui peraturan majlis yang telah disebut tadi, adalah menjadi tugas Majlis ini untuk mengeluarkan fatwa mengenai hukum syarak yang dikemukakan Majlis Raja-Raja atau Yang Di Pertuan Agong atau oleh Majlis-Majlis Agama Islam Negeri. Untuk melaksanakannya, Majlis ini telah menubuhkan Jawatankuasa Fatwa di peringkat kebangsaan dengan ahlinya terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik Majlis dari ahli-ahli Majlis sendiri, mufti setiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam ahl ehwal agama, lima orang alim ulamak yang dipilih dan dilantik Majlis Raja-Raja, seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang, atau dari profesion undang-undang yang dipilih dan dilantik Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini adalah untuk menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas semua perkara berkenaan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini hendaklah mengemukakan pendapatnya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Agama Islam Malaysia yang akan menghantarkannya bersama dengan syor-syornya kepada Majlis Raja-Raja.

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan jarang bersidang. Yang kerap berlaku ialah muzakarah ahli Jawatankuasa tersebut. Muzakarah boleh diadakan dengan kerap dan tidak terikat dengan prosedur Jawatankuasa Fatwa. Setakat ini, 43 muzakarah telah diadakan dan menyentuh pelbagai isu. Keputusan yang dicapai dalam muzakarah itu tidak mengikat ke atas negeri-negeri yang menjadi ahlinya. Lazimnya keputusan itu akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Syarak atau Perunding Hukum Syarak negeri untuk tindakan selanjutnya.

KESIMPULAN

Berdasarkan sorotan yang dibentangkan itu, pentadbiran hukum syarak di negeri Melayu didapati telah diperkemaskan dari masa ke masa dari segi tenaga manusia dan prasarana yang lain. Dengan penginstitusian yang kemas dan teratur ini, orang ramai boleh mendapat penjelasan berhubung hukum syarak yang diperlukan dengan lebih mudah lagi.

NOTA

1. Warta Kerajaan Malaysia (tersimpan di pejabat urus setia Pusat Islam, Jabatan Kebajikan Islam Malaysia) Jil. 18, No. 3, 1hb. Februari, 1974.
2. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor), 1952, sebagaimana yang diubahsuai oleh perintah Wilayah Persekutuan (pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak), 1974, Bahagian II, (13) dan (14).

RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim. 1995. *The Malaysian Legal System*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samad Idris. 1987. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp.
- Azizan Khalid Ahmad. 1970. *Struktur Organisasi Jabatan Agama Islam Negeri Perlis*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bonney, R. 1971. *Kedah 1771-1821*. London: Oxford University Press.
- Buyong Adil. 1981. *Sejarah Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. 1984, *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaluddin bin Halid. 1991. *Jawatankuasa Syariah Negeri Perak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khoo Kay Kim. 1984. *Zaman Peralihan Di Perlis 1909-194: Sejarah Masyarakat Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Lineham, W. 1973. *A History Of Pahang*. Kuala Lumpur: The Royal Asiatic Society.
- Mansor Ahmad. 1987. *Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Minarni Ibrahim. 1993. *Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Mokhtar bin Haji Muhd. Daud. 1980. *Singgahsana Negeri Pahang*. Pekan: Muzium Pahang.
- Muhammad Saleh Haji Awang. 1978. *Terengganu Dari Bentuk Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions.
- Muhammad Husain. 1970. *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*. Kota Bharu: Penerbit Dian Sdn. Bhd.
- Muhammad Khaldun Muhammad Syarif. 1991. *Perbezaan Fatwa di Beberapa Negeri Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Taufiq. 1970. *Agama Islam dan Kepercayaan di Negeri Melaka*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Nik Mastura Nik Umar. 1969. *Struktur Pentadbiran Ugama di Negeri Kelantan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Othman Ishak. 1981. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Ruhayati Ramli. 1994. *Jawatankuasa Syariah di Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Akedemi Islam Universiti Malaya.
- Siti Hawa Saleh. 1964. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasnan Kasan
Pensyarah
Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
e-mail: hasnan@pkri.cc.ukm.my